JAWATAN	**:**	**PENOLONG ARKITEK LANDSKAP**
GRED	**:**	**JA5**
SKIM PERKHIDMATAN	**:**	**PENOLONG ARKITEK LANDSKAP**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	**:**	**KEJURUTERAAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	**:**	**PELAKSANA**
TARAF JAWATAN	**:**	**TETAP**
LOKASI	**:**	**JOHOR BAHRU**
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	**:**	**RM1,650.00 – RM6,620.00 PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024**
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	**:**	**RM145.00**
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	**:**	**RM160.00**
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	**:**	**RM300.00**
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	**:**	**RM350.00**

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Sijil Teknologi dalam bidang Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)
   (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

   (ii) Sijil Seni Bina, Sijil dalam bidang Perancangan Bandar atau Kejuruteraan Awam (Seni Bina) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

   (iii) Diploma Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
   (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab membantu dan menguruskan perancangan dan rekabentuk landskap, perlaksanaan kerja-kerja di tapak, penyelenggaraan dan pengurusan landskap, pentadbiran dan dokumentasi serta tugas-tugas tambahan dari masa ke semasa yang diarahkan. Perincian tugas adalah seperti berikut :

1. Perancangan dan Rekabentuk landskap
    - Membantu Arkitek Landskap menyediakan lukisan rekabentuk landskap - pelan konsep, pelan master, pelan penanaman, pelan butiran (detailing) gazebo, pergola, kerb, laluan pejalan kaki dan sebagainya.
    - Menyediakan lukisan dengan perisian AutoCAD, SketchUp, Photoshop, Lumion, serta perisian terkini seperti persembahan menggunakan teknologi AI.
    - Membantu menyediakan anggaran kos awal (preliminary cost estimate) dan Senarai Kuantiti (BQ) untuk projek landskap kawasan universiti dan sepertimana yang diarahkan.
    - Menjalankan kajian tapak - ukur topografi, jenis tanah, saliran, pokok sedia ada dan sebagainya.

2. Pelaksanaan kerja-kerja di tapak
    - Membantu menyelia kerja-kerja pembinaan landskap di tapak supaya ikut spesifikasi dan lukisan yang diluluskan.
    - Memeriksa kualiti bahan - pokok, rumput, batu hiasan, perabot taman dan sebagainya.
    - Menyediakan laporan kemajuan projek harian / mingguan.
    - Menjadi pegawai perhubungan antara kontraktor atau perunding atau pelanggan atau ketiga-tiganya.

3. Penyelenggaraan dan pengurusan landskap
    - Merancang jadual penyelenggaraan landskap kawasan kampus - pemangkasan pokok, pembajaan, kawalan rumpai, sistem pengairan dan sebagainya sepertimana yang terdapat dalam kontrak kerja semasa.
    - Memeriksa aduan pelanggan berkaitan pokok tumbang, pokok bahaya, kerosakan kemudahan kampus.
    - Membantu menguruskan inventori pokok - tagging pokok, data GIS pokok teduhan dan sebagainya.
    - Memastikan landskap kawasan kampus menepati Garis Panduan Landskap Negara terkini.

4. Pentadbiran dan dokumentasi
    - Menyediakan kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa.
    - Membantu menilai permohonan merancang dari sudut landskap.
    - Menyediakan dokumen tender/ sebutharga seperti - lukisan tender, spesifikasi teknikal dan sebagainya.
    - Menguruskan surat, fail dan dokumentasi projek.
    -
5. Tugas tugas tambahan dan sokongan lain
    - Membantu menganjurkan program komuniti dalam kampus seperti program Gotong-royong penanaman pokok dan kempen kebersihan alam sekitar.
    - Memberi khidmat nasihat teknikal kepada Bahagian, Seksyen, jabatan, lain berkaitan kerja-kerja landskap.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.